

03 DEC 2002
Rencana-Cacat
MENYEJAHTERAKAN GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA

Oleh: Rosliwaty Ramly

(Sempena Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan 2002 hari ini)

KUALA LUMPUR: "Bagi orang-orang biasa, mendapat pekerjaan adalah suatu yang lumrah, tetapi bagi seseorang yang kurang upaya, ia merupakan satu anugerah yang amat bermakna", demikian kata-kata hikmat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kata-kata ini dipetik di sini untuk dijadikan renungan dan pertimbangan sejauh mana tahap kepekaan kita terhadap kesejahteraan golongan orang kurang upaya (OKU) dalam mengharungi liku-liku hidup dan terbelakah mereka daripada sikap prejudis dan diskriminasi masyarakat?

Dalam nada penuh keyakinan, Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), Datuk Sayed A. Rahman Sayed Mohd berkata, kerajaan sentiasa peka terhadap perkembangan sejagat dalam usaha membela nasib OKU dan mematuhi semua instrumen antarabangsa khususnya yang dipelopori Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan sebagainya.

Dalam konteks ini, beliau berkata, Malaysia telah menandatangani "Proklamasi Penyertaan Penuh dan Penyamaan Peluang bagi OKU Rantau Asia dan Pasifik" (Proclamation on the Equalisation of Opportunities For People With Disabilities in the Asia and Pacific Region) pada 16 Mei 1994 di Kuala Lumpur.

Sejak pengisytiharan itu, kerajaan komited untuk mencapai 107 sasaran yang termaktub dalam Agenda Bertindak Dekad Orang Kurang Upaya Asia dan Pasifik (Agenda For Action For the Asia and Pacific Decade of Disabled Persons) yang merupakan pelaksanaan Program Bertindak Dunia (The World Programme of Action) di rantau Asia dan Pasifik, tambahnya.

TIDAK DAFTAR GAGAL DIPULIH

Sayed A. Rahman berkata, pelbagai dasar dan program digubal dan dilaksanakan untuk membolehkan OKU menikmati hidup yang lebih sempurna, antaranya ialah mendaftar mereka bagi tujuan mengenal pasti bilangan sebenar taburan, jenis ketidakupayaan dan umur OKU di negara ini.

"Banci itu dapat membantu kerajaan membuat perancangan daripada segi perkhidmatan serta program pemulihan, latihan, rawatan dan penyediaan kemudahan sokongan untuk OKU", katanya.

Sehingga Jun 2002, sebanyak 107,831 OKU telah mendaftarkan diri. Malaysia dianggarkan mempunyai kira-kira 220,000 OKU berdasarkan anggaran PBB bahawa satu peratus daripada jumlah penduduk sesebuah negara dipercayai cacat.

Antara faktor OKU tidak didaftarkan ialah ibu bapa berasa malu mendapat anak cacat dan menyembunyikan mereka serta penduduk kawasan luar bandar yang menghadapi kesulitan untuk berbuat demikian di bandar.

Sehubungan itu, Sayed A. Rahman menasihatkan ibu bapa supaya berfikiran positif dan mendaftarkan anak mereka supaya mereka tidak tercicir daripada menikmati kemudahan yang disediakan kerajaan.

Ini termasuk hak mendapat pendidikan sempurna di Sekolah Pendidikan Khas sebaik sahaja nama mereka disenaraikan dengan JKMM, jelas beliau sambil menambah kata, JKMM akan berusaha memudahkan urusan pendaftaran termasuk menghantar pegawainya ke rumah-rumah OKU.

Beliau berkata, pelbagai jenis bantuan kewangan, misalnya elaun pekerja cacat (RM200 sebulan) dan elaun latihan sambil kerja (RM80 sebulan)

disediakan bagi membolehkan OKU menjalani kehidupan seharian.

KEISTIMEWAAN DAN KEMUDAHAN

Selain JKMM, OKU juga menerima pelbagai keistimewaan dan kemudahan daripada kementerian-kementerian lain.

Kementerian Pendidikan di bawah Jabatan Pendidikan Khas menyediakan Sekolah Khas bagi murid bermasalah penglihatan dan pendengaran, Program Integrasi untuk murid-murid bermasalah pembelajaran, penglihatan dan pendengaran dan Program Inklusif bertujuan mengintegrasikan kanak-kanak yang kurang upaya ke dalam arus perdana masyarakat.

Kerajaan memperluaskan potongan cukai berganda dalam tahun 1982 kepada majikan yang mengambil pekerja kurang upaya dan pada 1991 ia ditambah dengan pelepasan pengecualian cukai bagi ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya di bawah umur 18 tahun.

Jabatan Imigresen turut mengecualikan bayaran ke atas perkhidmatan menyedia dan memproses dokumen perjalanan kepada OKU.

Kementerian Kesihatan pula menyediakan program penjagaan kesihatan dan pemakanan yang komprehensif bagi mengurangkan kadar kecacatan manakala Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyalurkan bantuan modal menerusi skim geran pelancaran bagi memulakan perniagaan.

Melalui Jawatankuasa Penggalakan Penggajian OKU yang ditubuhkan Kementerian Sumber Manusia, daripada 1990 hingga 2001, sebanyak 4,017 OKU berdaftar untuk bekerja dan sebanyak 2,592 ditempatkan di pelbagai sektor pekerjaan.

Selain itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyediakan garis panduan bagi pemaju bangunan baru supaya meningkatkan kemudahan untuk OKU.

OKU turut menikmati keistimewaan pengangkutan awam termasuk Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) yang memberi tambang murah sehingga 50 peratus bagi penerbangan dalam negeri, Keretapi Tanah Melayu, Syarikat bas Transnasional dan PUTRA-LRT juga memberi konsesi 50 peratus daripada harga tambang.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula memberi pengurangan kadar sewa kepada OKU untuk menyewa rumah-rumah kos rendah dan rumah pangsa DBKL.

PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI

Sayed A.Rahman berkata, kerajaan turut menyediakan peruntukan berjumlah RM4.2 juta setahun untuk menggerakkan 259 buah pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang menampung 5,768 kanak-kanak kurang upaya serta 520 orang pekerja di seluruh negara.

Geran penyelenggaraan berjumlah RM3.077 juta juga disediakan kepada 83 buah pertubuhan sukarela OKU, geran per kapita berjumlah RM686,751 kepada 42 pertubuhan sukarela OKU dan geran gaji guru berjumlah RM2.6 juta kepada 27 buah sekolah khas.

Pelancaran Skim Takaful Berkelompok OKU Februari lepas yang menyediakan skim insurans untuk OKU juga mencerminkan bahawa OKU memiliki nilai ekonomi yang boleh diketengahkan.

Hasil usaha sama JKMM dan Syarikat Takaful Malaysia, skim itu menawarkan lima manfaat kepada semua OKU yang berdaftar, yang memberi perlindungan antara RM4,000 hingga RM15,000 bagi kematian akibat kemalangan dan kematian biasa RM2,000 hingga RM10,000.

Bagi keilangan kekal akibat kemalangan, skim itu menawarkan perlindungan antara RM2,000 hingga RM5,000 manakala belanja perubatan dan pengkebumian masing-masing RM500.

FAHAMI POTENSI OKU

Daripada segi pekerjaan, Sayed A.Rahman berkata, JKMM tidak menuntut

terlalu banyak daripada majikan tetapi sekadar meminta agar pekerjaan yang mudah dapat diberikan kepada OKU untuk mereka berdikari.

"Mereka tidak menagih simpati sebaliknya mahu diberi peluang supaya dapat hidup berdikari dan bersama-sama memainkan peranan dalam masyarakat yang kian maju serta mahu dianggap sebagai rakyat yang berguna dan produktif," katanya.

Sehingga kini, sebanyak 4,490 OKU bekerja di sektor swasta iaitu 645 cacat penglihatan, 1,597 kurang pendengaran, 1,956 cacat anggota dan 292 kurang upaya mental.

Bagi sektor awam pula, kerajaan telah menawarkan pekerjaan kepada 446 OKU daripada kumpulan profesional hingga ke peringkat kumpulan sokongan.

Dalam bidang akademik, ada di antara OKU yang berjaya menjadi ahli profesional dan pakar mengikut bidang masing-masing seperti pensyarah, ekonomi, perundangan, sejarah dan teknologi.

Turut menyerlahkan potensi OKU ialah penglibatan atlet kurang upaya dalam bidang sukan seperti yang dicatatkan dalam beberapa acara pada Sukan Paralimpiad Malaysia 2002 dan Sukan Komanwel 2002 di Manchester, England baru-baru ini.

Di bawah program mengurangkan jurang digital, PDKNET, portal berkaitan OKU yang mengandungi maklumat pemulihan dan pembelajaran serta menyediakan kaedah komunikasi secara elektronik akan diwujudkan untuk membolehkan mereka berinteraksi antara satu sama lain melalui komputer.

Rangkaian itu juga akan memberi maklumat penting mengenai peluang pekerjaan dan kemudahan untuk mereka selaras dengan dasar kerajaan bagi meningkatkan pengetahuan dan penglibatan dalam ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi).

Ternyata, kerajaan melalui kementerian dan jabatan yang berkaitan dengan gandingan tenaga dari pelbagai pertubuhan kebajikan sukarela telah, sedang dan akan terus membela nasib masa depan OKU melalui perancangan dan penggubalan dasar serta program yang lebih komprehensif.

Hakikatnya, banyak sebab kenapa OKU di negara ini mampu hidup berdikari dan menjalani kehidupan yang sempurna, kecuali mereka yang mengalami kecacatan teruk. -- Bernama

RR AM